



PENGGUNAAN T.CUEKARTE SEMASA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ASING DALAM KALANGAN GURU BUKAN NATIF

THE USE OF T.CUEKARTE DURING FOREIGN LANGUAGE TEACHING AND LEARNING AMONG NON-NATIVE TEACHERS

Robe'ah Yusuf^{1*}, Fatina Bakar², Masni Mansor³, Aida Husni Abdul Hamid⁴

- ¹ Pusat kemahiran Bahasa, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim, Perak
Email: robe_ah@fbk.upsi.edu.my
- ² Pusat Kemahiran Bahasa, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim, Perak
Email: fatina@fbk.upsi.edu.my
- ³ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
Email: mmasni@uum.edu.my
- ⁴ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
Email: aidahusni@uum.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 03.10.2024
Revised date: 05.11.2024
Accepted date: 17.03.2025
Published date: 26.03.2025

To cite this document:

Yusuf, R., Bakar, F., Mansor, M., & Abdul Hamid, A. H. (2025). Penggunaan T. Cuekarte Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Asing Dalam Kalangan Guru Bukan Natif. *International Journal of Modern Education*, 7 (24), 1115-1124.

DOI: 10.35631/IJMOE.724078

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pengajaran bahasa asing oleh guru bukan natif sering kali menghadapi cabaran seperti kekurangan kelancaran dan perbendaharaan kata yang terhad. Kajian ini bertujuan menilai impak penggunaan T.Cuekarte iaitu Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam bentuk kad imbasan yang dilengkapi dengan Kod Respons Pantas (QR code). Kajian dijalankan dengan melibatkan dua belas guru bukan natif yang mengajar bahasa Jerman dan Sepanyol di beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia. Pengkaji menggunakan pendekatan Teori Behaviorisme yang menekankan kepentingan pengulangan dan pengukuhan positif. Responden menggunakan T.Cuekarte selama tiga bulan dan memberikan maklum balas mengenai keberkesanan alat ini. Menerusi frasa-frasa berulang ini responden mampu mencapai hasil pembelajaran (learning outcome) yang diharapkan. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa T.Cuekarte bukan sahaja meningkatkan keyakinan guru dalam memberikan arahan tetapi juga membantu mengurangkan kebergantungan kepada terjemahan bahasa ibunda serta melancarkan komunikasi. Semua responden melaporkan peningkatan dalam kelancaran pengajaran dan kejelasan penyampaian arahan. Penemuan ini menunjukkan bahawa T.Cuekarte berpotensi untuk diterapkan secara meluas dalam konteks pengajaran bahasa asing. Kajian ini turut mencadangkan agar T.Cuekarte

digunakan bukan hanya untuk bahasa Jerman dan Sepanyol tetapi juga untuk bahasa-bahasa lain kerana reka bentuknya yang mudah dan kos efektif.

Kata Kunci:

Bahan Bantu Mengajar (BBM), Teori Behaviorisme, Keberkesanan Pengajaran, Pengukuhan Positif, Komunikasi

Abstract:

Foreign language teaching by non-native teachers often faces challenges such as lack of fluency and limited vocabulary. This study aims to evaluate the impact of using T. Cuekarte, an instructional aid in the form of flashcards equipped with Quick Response (QR) codes. The study involved twelve non-native teachers who teach German and Spanish in several Higher Education Institutions (HEIs) in Peninsular Malaysia. The researcher employed the Behaviorism Theory approach, emphasizing the importance of repetition and positive reinforcement. The respondents used T. Cuekarte for three months and provided feedback on the effectiveness of this tool. Through the repetition of these phrases, respondents were able to achieve the expected learning outcomes. The results also indicate that T. Cuekarte not only increased teachers' confidence in giving instructions but also helped reduce their reliance on native language translation and improved communication fluency. All respondents reported improvements in teaching fluency and clarity in delivering instructions. These findings suggest that T. Cuekarte has the potential to be widely adopted in the context of foreign language teaching. This study further recommends that T. Cuekarte be used not only for German and Spanish but also for other languages, given its simple and cost-effective design.

Keywords:

Instructional Aid, Behaviourism Theory, Teaching Effectiveness, Positive Reinforcement, Communication

Pengenalan

Pengajaran bahasa asing oleh guru bukan natif merupakan satu cabaran yang memerlukan pendekatan dan strategi pengajaran yang berkesan. Salah satu kesukaran utama yang dihadapi ialah kelancaran bertutur serta keterbatasan perbendaharaan kata yang bukan sahaja boleh menjejaskan kejelasan arahan dalam bilik darjah tetapi juga mengurangkan keyakinan guru dalam menyampaikan ilmu (Kamisah & Aini, 2013). Kelemahan ini berpotensi menjejaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran khususnya apabila pelajar bergantung sepenuhnya kepada arahan guru untuk memahami bahasa asing yang dipelajari. Menelusuri perspektif Teori Behaviorisme, pembelajaran bahasa berkesan apabila individu diberikan rangsangan secara berulang dan menerima pengukuhan positif (Lourdes & Silvana, 2011). Berdasarkan prinsip ini T.Cuekarte adalah sebuah Bahan Bantu Mengajar (BBM) inovatif yang diperkenalkan bagi menyokong guru bukan natif dalam menyampaikan arahan dengan lebih tepat, jelas dan konsisten. Penggunaan T.Cuekarte bukan sahaja membantu mengurangkan kesilapan dalam memberikan arahan tetapi juga meningkatkan keyakinan guru dalam proses pengajaran mereka. Menurut Aliza dan Zamri, (2016), seiring dengan perkembangan teknologi pendidikan, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan peralatan yang sistematik dan interaktif mampu memperkasa kemahiran pengajaran guru terutamanya dalam

situasi yang menuntut ketepatan bahasa (Madar, Mohaiyiddin, Mustafa & Buntat, 2009). Justeru, artikel ini bertujuan meneliti impak penggunaan T.Cuekarte terhadap guru bukan natif bahasa Jerman dan Sepanyol dengan memberi tumpuan kepada aspek kelancaran bertutur, keberkesanan penyampaian arahan serta peningkatan keyakinan dalam pengajaran bahasa asing. Melalui analisis ini, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam usaha memperkasa pengajaran bahasa asing oleh guru bukan natif.

Sorotan Kajian Lalu

Ellis (1997) menyatakan bahawa guru bukan natif sering menghadapi kesukaran dalam menguasai bahasa sasaran yang boleh menyebabkan arahan menjadi kurang jelas dan mengurangkan keberkesanan pengajaran. Dalam konteks ini, penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) seperti kad imbas memainkan peranan penting dalam menyokong kefasihan dan ketepatan bahasa. Menurut Teori Behaviorisme oleh Skinner (1957), pembelajaran bahasa dapat diperkukuh melalui rangsangan berulang dan pengukuhan positif dan bukan sahaja membantu meningkatkan ingatan dan kefahaman pelajar tetapi juga menyokong keyakinan guru dalam menyampaikan arahan dengan lebih lancar.

Pavlov (1927) turut menyokong konsep ini melalui teorinya mengenai tindak balas terkondisi apabila pengulangan rangsangan dapat membentuk kebiasaan dalam penggunaan bahasa. Kajian Schmitt (2010) mendapati bahawa BBM visual dan tekstual seperti kad imbas dapat mempertingkatkan pemahaman pelajar terhadap bahasa asing dengan menyediakan panduan yang lebih sistematik dan mudah diakses. Watson (1913) pula menekankan bahawa pembelajaran bahasa berlaku secara efektif melalui interaksi dengan persekitaran yang boleh menjadikan BBM sebagai medium penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

Selanjutnya, penyelidikan De la Fuente (2020) menunjukkan bahawa penggunaan kad imbas meningkatkan kefahaman pelajar terhadap frasa penting serta membantu mereka mengingat istilah baharu dengan lebih berkesan. Kajian Alshammari (2021) turut membuktikan bahawa BBM seperti kad imbas bukan sahaja meningkatkan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran, malah memperkukuhkan kemahiran bahasa sasaran khususnya dalam aspek pertuturan dan pemahaman. Sementara itu, kajian oleh Leow dan Cerezo (2022) mendapati bahawa Kad imbas dikatakan boleh membantu guru bukan natif menyampaikan arahan dengan lebih jelas. Hal ini sekaligus meningkatkan keyakinan mereka dalam penggunaan bahasa sasaran. Secara keseluruhannya, pengajaran bahasa asing oleh guru bukan natif sering kali menghadapi cabaran seperti kekurangan keyakinan, kelancaran bertutur yang terbatas dan kesukaran dalam memberikan arahan yang jelas.

Definisi T.Cuekarte

Penggunaan BBM berbentuk kad imbas yang efektif seperti T.Cuekarte dapat menjadi penyelesaian praktikal dengan memperkukuhkan penguasaan bahasa dan meningkatkan ketepatan arahan serta membina keyakinan guru dalam mengendalikan pengajaran. Oleh tu, integrasi kad imbas seperti T.Cuekarte dalam pengajaran bahasa asing bukan sahaja memberi manfaat kepada guru malah turut memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar secara keseluruhan. Ini kerana T.Cuekarte merupakan gabungan bahasa Inggeris dan Jerman (*Teacher, Cue, Karte*) merupakan inovasi dalam pengajaran bahasa asing yang direka untuk membantu guru bukan natif mengajar bahasa seperti Jerman dan Sepanyol.

Kad imbas ini menyediakan frasa arahan yang lazim digunakan di bilik darjah dan dilengkapi dengan Kod Respons Pantas (QR Code) yang membolehkan guru mendengar bacaan frasa dan memperkukuh sebutan serta intonasi melalui pengulangan. Situasi ini bersesuaian dengan Teori Behaviorisme yang menekankan pengulangan sebagai kaedah pembelajaran (Marcia Juvanie Chang & Adhi Kusnadi, 2018). T.Cuekarte juga menyediakan frasa dalam bahasa sasaran di satu sisi dan terjemahan visual. Di sisi lain, BBM ini boleh memudahkan guru memberi arahan dengan lebih yakin tanpa bergantung pada buku teks. Selain berfungsi sebagai BBM, T.Cuekarte boleh menjadi sokongan yang membantu guru bukan natif melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan dan mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Secara keseluruhan, T.Cuekarte meningkatkan keberkesanan komunikasi dalam bilik darjah dan menyokong teori pembelajaran seperti Behaviorisme dalam pendidikan.

Pernyataan Masalah

Pengajaran bahasa asing oleh guru bukan natif sering menghadapi cabaran terutamanya dalam aspek penyampaian arahan dan keberkesanan komunikasi dalam kelas. Kekangan seperti keterbatasan perbendaharaan kata dan kurangnya keyakinan dalam menggunakan bahasa sasaran boleh menjejaskan pencapaian hasil pembelajaran yang diharapkan. Situasi ini boleh mengakibatkan pelajar sukar memahami arahan seterusnya memberi kesan kepada tahap penglibatan dan keberkesanan proses pembelajaran (Rohman Dijaya1, Noor Mayaminij Maulidah & Dahlan Abdullah, 2018). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai jenis BBM dapat membantu meningkatkan kefasihan guru dan interaksi pelajar dalam kelas. Namun, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti secara khusus bagaimana penggunaan kad imbas seperti T.Cuekarte dapat mempengaruhi pencapaian hasil pembelajaran dan meningkatkan keberkesanan komunikasi guru bukan natif. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh mana penggunaan T.Cuekarte dapat membantu guru bukan natif dalam mengatasi cabaran komunikasi serta bagaimana penggunaannya boleh memberi kesan kepada pemahaman dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai keberkesanan T.Cuekarte sebagai satu pendekatan inovatif dalam meningkatkan keyakinan guru serta memperbaiki proses penyampaian arahan dalam kelas bahasa asing. Oleh itu, objektif dan persoalan kajian perbincangan ini adalah seperti berikut:

Objektif Kajian

1. Mengetahui kesan penggunaan T.Cuekarte terhadap keupayaan guru bukan natif dalam mengingat dan menggunakan perbendaharaan kata atau frasa semasa pengajaran bahasa asing.
2. Menilai sejauh mana T.Cuekarte membantu dalam meningkatkan keberkesanan komunikasi guru bukan natif serta pencapaian hasil pembelajaran (learning outcome) dalam kelas bahasa asing.

Persoalan Kajian

1. Sejauh mana penggunaan T.Cuekarte membantu guru bukan natif dalam mengingat dan menggunakan perbendaharaan kata atau frasa semasa sesi pengajaran bahasa asing?

2. Bagaimanakah penggunaan T.Cuekarte mempengaruhi keberkesanan komunikasi guru bukan natif dan pencapaian hasil pembelajaran dalam kelas bahasa asing?

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui soal selidik bagi mengumpulkan data mengenai keberkesanan penggunaan T.Cuekarte dalam membantu guru bukan natif mengingat dan menggunakan perbendaharaan kata atau frasa semasa sesi pengajaran bahasa asing. Reka bentuk kajian ini bersifat deskriptif bagi mengenal pasti pengaruh penggunaan T.Cuekarte serta impaknya terhadap keberkesanan komunikasi dan pencapaian pembelajaran dalam kelas bahasa asing.

Persampelan

Kajian ini melibatkan 12 orang guru bukan natif yang mengajar bahasa asing, iaitu 6 guru bahasa Jerman dan 6 guru bahasa Sepanyol. Sampel kajian dipilih secara persampelan bertujuan (purposive sampling) yang melibatkan tenaga pengajar dari enam institusi pengajian tinggi di Malaysia iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Pahang Sultan Ahmad Shah (UMPSSA) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Pemilihan sampel ini dibuat berdasarkan pengalaman mereka dalam pengajaran bahasa asing serta penggunaan T.Cuekarte dalam sesi pengajaran mereka.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengalaman guru bukan natif dalam menggunakan T.Cuekarte. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian utama:

1. Bahagian A: Maklumat demografi (institusi, bahasa yang diajar dan pengalaman mengajar).
2. Bahagian B: Item berkaitan pengalaman dan persepsi guru mengenai penggunaan T.Cuekarte yang merangkumi empat aspek utama:
 - Ke kerapannya terlupa perbendaharaan kata atau frasa (S1)
 - Keupayaan mengingat perbendaharaan kata selepas penggunaan T.Cuekarte (S2)
 - Pengaruh T.Cuekarte terhadap pencapaian "Learning Outcome" (S3)
 - Keberkesanan T.Cuekarte dalam meningkatkan komunikasi (S4)

Soal selidik ini menggunakan skala binari (Ya/Tidak) bagi mendapatkan maklumat balas yang jelas daripada responden mengenai impak T.Cuekarte dalam pengajaran mereka.

Prosedur Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui pendedaran soal selidik secara dalam talian dan secara fizikal kepada guru-guru bukan natif yang mengajar bahasa Jerman dan bahasa Sepanyol di enam universiti yang terlibat. Responden diberikan masa satu minggu untuk melengkapkan soal selidik. Tujuannya prosedur ini untuk melihat kesan penggunaan kad imbasan seperti yang dicadangkan oleh Rajagopal, Kalaimathi dan Ying Shau (2018) dalam kajian tentang penggunaan kad imbas dalam pengajaran numerasi kanak-kanak berkeperluan khas.

Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan dan kekerapan bagi setiap item dalam soal selidik. Jadual kekerapan digunakan untuk menilai jumlah responden yang memberikan jawapan "Ya" atau "Tidak" bagi setiap soalan yang dikemukakan. Hasil analisis ini digunakan untuk menilai sejauh mana penggunaan T.Cuekarte membantu dalam meningkatkan ingatan perbendaharaan kata, memperbaiki komunikasi dan menyumbang kepada pencapaian hasil pembelajaran dalam kelas bahasa asing. Kesesuaian analisis ini berpandukan saranan kajian lalu (Rohman Dijaya1 et.al, 2018).

Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian

Untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan data, soal selidik telah disemak oleh pakar dalam bidang pengajaran bahasa asing dan teknologi pendidikan sebelum diedarkan kepada responden. Selain itu, perbandingan antara jawapan responden dalam kategori bahasa Jerman dan bahasa Sepanyol turut dilakukan bagi mengenal pasti pola yang konsisten dalam dapatan kajian.

Etika Penyelidikan

Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira aspek etika penyelidikan. Semua responden diberikan maklumat mengenai tujuan kajian dan dijamin bahawa data yang dikumpulkan dirahsiakan serta digunakan hanya untuk tujuan akademik. Responden juga diberikan kebebasan untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi.

Metodologi kajian ini dirancang bagi mendapatkan data yang tepat dan bermakna dalam menilai keberkesanan T.Cuekarte sebagai BBM untuk guru bukan natif dalam pengajaran bahasa asing. Hasil analisis memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai manfaat penggunaan T.Cuekarte dalam meningkatkan kecekapan komunikasi guru serta pencapaian hasil pembelajaran pelajar dalam kelas bahasa asing.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berikut adalah dapatan daripada soal selidik bahagian A yang menjelaskan demografi responden. Responden terdiri daripada 12 orang tenaga pengajar yang mengajar bahasa Jerman dan Sepanyol di beberapa universiti tempatan iaitu UiTM, UM, UPM, USM, UMPSA dan UPNM.

Jadual 1: Jumlah Universiti dan Responden yang Menyertai Kajian Ini			
Universiti	Bahasa Jerman	Bahasa Sepanyol	Jumlah Responden
UiTM	2	0	2
UM	1	2	3
UPM	1	2	3
USM	1	0	1
UMPSA	1	1	2
UPNM	0	1	1
Jumlah Keseluruhan	6	6	12

Seterusnya dibincangkan adalah dapatan daripada soal selidik yang membuktikan T.Cuekarte mampu memberikan impak yang baik dalam penggunaannya sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM).

Soalan 1

Adakalanya saya terlupa perbendaharaan kata atau frasa kerana menggunakan lebih daripada satu bahasa di dalam kuliah bahasa asing

Jadual 2

Kategori Guru		Jumlah Responden	Jawab “Ya”	% Jawab “Ya”	Jawab “Tidak”	% jawab “Tidak”
Guru Jerman	Bahasa	6	5	83.33%	1	16.67%
Guru Sepanyol	Bahasa	6	4	66.67%	2	33.33%
Jumlah Keseluruhan		12	9	75%	3	25%

Peratusan keseluruhan responden yang menjawab "Ya" adalah 75% dan 25% menjawab “Tidak”. Ini bermakna guru bahasa asing bukan natif adakalanya mengalami “hilang perbendaharaan kata/frasa” semasa proses pengajaran dan pembelajaran (pdp). Hal ini menunjukkan T.Cuekarte berpotensi menjadi BBM yang dapat membantu melancarkan proses pdp. Dapatan ini turut selaras dengan dapatan kajian lalu oleh Siti Ngarofah dan Ani Sumarni, (2018) yang bersetuju bahawa kad imbasan mampu membantu hafalan perbendaharaan kata.

Soalan 2

Selepas penggunaan T.Cuekarte, saya mampu mengingat perbendaharaan kata atau frasa walaupun menggunakan lebih daripada satu bahasa di dalam kuliah bahasa asing

Jadual 3

Kategori Guru		Jumlah Responden	Jawab “Ya”	% Jawab “Ya”	Jawab “Tidak”	% jawab “Tidak”
Guru Jerman	Bahasa	6	5	83.33%	1	16.67%
Guru Sepanyol	Bahasa	6	5	83.33%	2	16.67%
Jumlah Keseluruhan		12	10	83.33%	2	16.67%

Peratusan keseluruhan responden yang menjawab "Ya" adalah 83.33% dan 16.67% menjawab “Tidak”. Ini menunjukkan para responden mampu mengingat perbendaharaan kata atau frasa walaupun menggunakan lebih daripada satu bahasa di dalam kuliah bahasa asing. Hal ini sejajar dengan kajian Empit Hotimah (2010) yang menyatakan bahawa kad imbasan mampu membantu mengingat pembendaharaan kata seperti dalam kajiannya terhadap mahasiswa di Indonesia yang mengikuti kursus bahasa Inggeris Kelas II.

Volume 7 Issue 24 (March 2025) PP. 1115-1124
DOI: 10.35631/IJMOE.724078

Soalan 3

Penggunaan T.Cuekarte membantu saya mencapai “Learning Outcome” yang diharapkan

Jadual 4

Kategori Guru		Jumlah Responden	Jawab “Ya”	% Jawab “Ya”	Jawab “Tidak”	% jawab “Tidak”
Guru Jerman	Bahasa	6	4	66.67%	2	33.33%
Guru Sepanyol	Bahasa	6	5	83.33%	1	16.67%
Jumlah Keseluruhan		12	9	75%	3	25%

Peratusan keseluruhan responden yang menjawab "Ya" adalah 75% dan 25% menjawab “Tidak” dan dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan T.Cuekarte membantu para responden mencapai “Learning Outcome” yang diharapkan. Menurut Nining Candra Wahyuni (2019), pelbagai permainan bahasa akan memudahkan guru khususnya bagi mencapai objektif pengajaran.

Soalan 4

Penggunaan T.Cuekarte membantu memberi panduan supaya komunikasi bertambah baik

Jadual 5

Kategori Guru		Jumlah Responden	Jawab “Ya”	% Jawab “Ya”	Jawab “Tidak”	% jawab “Tidak”
Guru Jerman	Bahasa	6	6	100%	0	0%
Guru Sepanyol	Bahasa	6	6	100%	0	0%
Jumlah Keseluruhan		12	12	100%	0	0%

Semua guru bahasa Jerman dan bahasa Sepanyol menjawab "Ya", maka peratusannya adalah 100% bagi setiap kategori. Tiada responden yang menjawab "Tidak", oleh itu peratusan "Tidak" adalah 0% untuk kedua-dua kategori guru. Secara keseluruhan, semua 12 responden menjawab "Ya", memberikan peratusan keseluruhan 100%. Ini bermakna, T.Cuekarte membuktikan kemampuannya menjadi BBM yang boleh memberi panduan supaya komunikasi bertambah baik. Selain komunikasi bertambah baik, permainan ini mampu menggalakkan daya tumpuan para pelajar bahasa asing. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Manisah dan Norizza (2016) yang mendapati bahawa inovasi BBM penting untuk meningkatkan daya tumpuan para pelajar.

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan T.Cuekarte berkesan dalam membantu guru bukan natif dalam pengajaran bahasa asing. Secara keseluruhan, 75% responden mengalami kesukaran mengingat perbendaharaan kata atau frasa semasa kuliah tetapi selepas menggunakan T.Cuekarte, 83.33% menyatakan penggunaan ini membantu mereka mengingat

perbendaharaan kata dengan lebih baik. Hal ini sekaligus menunjukkan keberkesanan alat ini dalam mengatasi cabaran linguistik dalam bilik darjah.

Selain itu, 75% responden berpendapat bahawa penggunaan T.Cuekarte membantu mereka mencapai "Learning Outcome" yang diharapkan, manakala 100% responden bersetuju bahawa T.Cuekarte memperbaiki komunikasi dalam pengajaran. Dapatan ini mengukuhkan lagi peranan T.Cuekarte sebagai BBM yang berkesan dalam memastikan arahan dan interaksi lebih jelas serta sistematik. Hal ini turut disahkan dalam kajian Dewi (2020) tentang keupayaan pencapaian objektif kajian dapat ditingkatkan dengan bantuan kad imbasan.

Secara keseluruhannya, T.Cuekarte bukan sahaja meningkatkan keyakinan guru bukan natif tetapi juga menyumbang kepada kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Menerusi reka bentuk yang mudah dan kos yang rendah, T.Cuekarte berpotensi untuk diadaptasi secara meluas dalam pengajaran bahasa asing lain. T. Cuekarte mampu menjadi inovasi yang boleh terus diperbaiki untuk kegunaan jangka panjang.

Penutup

Kesimpulannya, penggunaan T.Cuekarte terbukti sebagai BBM yang efektif untuk guru bukan natif dalam pengajaran bahasa asing. T.Cuekarte bukan sahaja meningkatkan keyakinan guru tetapi juga memudahkan proses pembelajaran bagi pelajar dengan memberi arahan yang lebih konsisten dalam bahasa sasaran. Kajian ini mencadangkan penggunaan T.Cuekarte sebagai BBM yang meluas bukan hanya untuk bahasa Jerman dan Sepanyol tetapi juga untuk bahasa-bahasa lain yang diajar oleh guru bukan natif. Menerusi peruntukan kewangan yang rendah serta agak mudah untuk dihasilkan, T.Cuekarte mempunyai potensi untuk diadaptasi secara meluas dalam konteks pengajaran bahasa asing dan boleh mudah ditambah baik dari semasa ke semasa.

Penghargaan

Terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Utara Malaysia yang menggalakkan kerjasama ini. Produk ini telah dianugerahi Pingat Perak bersempena Pertandingan Inovasi Pembelajaran (Peringkat Antarabangsa) 2024 (PIP2024)

Rujukan

- Aliza, A., & Zamri, M. (2016). Pembangunan dan kebolehgunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran Bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 16-29.
- Alshammari, A. (2021). The effect of visual aids on EFL learners' speaking skills. *Journal of Language Teaching and Research*, 12(3), 512-520.
- Chang, M. J., & Kusnadi, A. (2018). Creating a web-based online *kad imbas* for Korean vocabulary memorization. *IJNMT*, 5(1), 35-40.
- De la Fuente, M. J. (2020). The role of flashcards in vocabulary acquisition: An experimental study. *Language Learning & Technology*, 24(1), 125-140.
- Dewi, I. A. P. R. (2020). Pengembangan media flashcard untuk meningkatkan kemampuan mengenal warna pada anak usia dini. *Journal for Lesson and Learning Studies*, 3(3), 491-497.
- Ellis, R. (1997). *Second language acquisition*. Oxford University Press.

- Empit Hotimah. (2010). Penggunaan media *kad imbas* dalam meningkatkan kemampuan siswa pada pembelajaran kosakata Bahasa Inggris kelas II MI Ar-Rochman Samarang Garut. *Jurnal Pendidikan Universitas Garut*, 4(1), 10-18.
- Kamisah, O., & Aini, N. (2013). Teachers and students as game designers: Designing games for classroom integration. In *New pedagogical approaches in game-enhanced learning: Curriculum integration* (pp. 102-113).
- Leow, R. P., & Cerezo, R. (2022). Enhancing non-native teacher confidence in the foreign language classroom: The case of flashcards. *Journal of Language, Identity & Education*, 21(2), 121-134.
- Lourdes, M. d., & Silvana, T. (2011). The importance of integrating flash cards as a visual tool in order to improve the retention of the meaning of verbs in the students of the ninth year of basic education. (Ph.D. Thesis, Cuenca-Ecuador).
- Madar, A. R., Mohaiyiddin, M. Z., Mustafa, M. Z., & Buntat, Y. (2009). Kesan penggunaan koswer terhadap tahap pencapaian pelajar berdasarkan gaya kognitif field independence. *Proceedings of the International Conference of Teaching & Learning in Higher Education (ICTLHE 09)*, Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Manisah Mohd. Ali, & Norizza Sahal. (2016). Intervensi meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 1-6.
- Nining Candra Wahyuni. (2019). The use of puppet and flashcard as media in teaching vocabulary for children with special needs. *ELT FORUM*, 8(2). ISSN 2252-6706.
- Pavlov, I. P. (1927). *Conditioned reflexes: An investigation of the physiological activity of the cerebral cortex*. Oxford University Press.
- Rajagopal, K., & Ying, S. (2018). The effects of mobile *kad imbas* application on two special need children's numeracy skills.
- Rohman Dijaya, N. M. Maulidah, & D. Abdullah. (2018). *Kad imbas* computer-generated imagery medicinal plant for orthopedagogic education. *MATEC Web of Conferences*, 197, 15005.
- Schmitt, N. (2010). *An introduction to applied linguistics*. Hodder Education.
- Siti Ngarofah, & Ani Sumarni. (2018). Teaching vocabulary using *kad imbas* to young learners. *Journal of English Language Teaching*, 1(6), 775-782.
- Skinner, B. F. (1957). *Verbal behavior*. Appleton-Century-Crofts.
- Thorndike, E. L. (1931). *Human learning*. Century.
- Watson, J. B. (1913). Psychology as the behaviorist views it. *Psychological Review*, 20(2), 158-177.